

# Barah saraf serang kanak-kanak

Kira-kira 90 peratus pesakit kanser neuroblastoma kategori risiko rendah boleh sembuh


Oleh Nas Norziela Nasbah

bhsihat@bh.com.my

**Faktor** pemakanan ibu sewaktu hamil bukan satu daripada punca anak yang dikandung menghidap neuroblastoma, iaitu kanser sistem simpatetik.

Malah, ia juga tiada kaitan dengan gaya hidup atau penjagaan kanak-kanak berkenaan.

## Distribusi utama neuroblastoma pada kanak-kanak



Statistik menunjukkan 30 orang pesakit kanak-kanak menghidap neuroblastoma setiap tahun di Malaysia.

Mengulas mengenainya, Pakar Hematologi dan Onkologi Pediatrik Hospital Tunku Azizah, Dr Teh Kok Hoi, berkata kanser ini tumbuh daripada sel yang bakal membentuk sistem saraf simpatetik.

Katanya, neuroblastoma boleh bermula sejak lahir lagi dengan usia paling lazim antara dua hingga tiga tahun.

Penyakit ini jarang berlaku selepas kanak-kanak berusia 10 tahun.

Ketumbuhan neuroblastoma paling kerap berlaku membabitkan kanak-kanak berusia bawah lima tahun.

### Simptom kanser

Dr Teh berkata, kanser ini berasal daripada sel primitif/pramatang yang dipanggil neuroblast.

Sel ini terdapat di beberapa kawasan dalam badan seperti kelenjar adrenal di atas ginjal kiri dan kanan dan di sepanjang



(Foto hiasan)

toma, beliau berkata ia bergantung kepada stratifikasi pesakit, iaitu sekiranya risiko rendah dengan memantau keadaan tumor dan pesakit itu sendiri sahaja.

"Seterusnya risiko sederhana

di mana pesakit akan diberikan ubat kemoterapi, pembedahan, radioterapi dan ubat isotretinoin (untuk mematangkan saki baki


seperti saluran darah utama tidak mungkin dibuang sepenuhnya.

"Dalam kes seperti ini pakar bedah akan membuang sebanyak tumor yang mungkin. Selepas itu kaedah lain seperti kemoterapi

dan radioterapi akan digunakan untuk membunuh sel-sel kanser yang masih tertinggal," katanya.



Peluang sembuh



Ketumbuhan di tepi tulang belakang

Kanser yang merebak ke organ hati

Kanser yang merebak ke sumsum tulang

Sindrom Horner

Kanser di salur darah celiac

Kanser di kelenjar adrenal



**Neuroblastoma**  
Tempat asal ibu kanser

**Ganglion simpatetik**  
- Kanser neuroblastoma mungkin bermula disini juga

**Kelenjar adrenal**  
- Kanser Neuroblastoma paling lazim bermula di sini.

tulang belakang.

“Akibat mutasi genetik, sel ini membiak di luar kawalan sehingga terbentuk ketumbuhan atau tumor,” katanya.

Mengulas tentang cara mengesan atau mengenal pasti penyakit yang dideritai kanak-kanak ini, beliau berkata ia bergantung kepada tempat timbulnya ibu kanser seperti kelenjar adrenal dengan bengkak di bahagian perut.

“Pakar perubatan juga akan melihat simptom terjadinya bengkak di leher, sekiranya kanser timbul daripada ganglion simpatetik disitu. Selain itu, pesakit mungkin kelihatan lemah anggota atau lumpuh atau mengadu sakit belakang sekiranya saraf utama atau saraf tunjang tertekan.

“Jika sudah merebak ia bergantung pula kepada organ yang terjejas seperti hati dengan bengkak di bahagian perut atau lebam di sekeliling mata (*raccoon eyes*),” katanya.

Katanya, pesakit juga mungkin demam berpanjangan tanpa sebab selain susut berat badan.

**Rawatan untuk kanser**

Mengulas lanjut berkenaan kaedah rawatan untuk kanser neuroblas-

tel sel-mula daripada neuroblastoma ke Ganglioneuroblastoma ke Ganglioneuroma)

“Bagi pesakit kanser risiko tinggi, ubat kemoterapi (pelbagai jenis ubat akan digunakan untuk mematikan sel kanser yang sudah merebak ke sum sum dan tulang), pembedahan, *high dose chemotherapy and autologous stem cell rescue*, radioterapi, dan imunoterapi diperlukan,” katanya.

Beliau berkata, pembedahan juga dilakukan untuk mengeluarkan ibu ketumbuhan itu.

“Bagi pesakit yang berada dalam kumpulan berisiko rendah, kemungkinan hanya rawatan ini diperlukan sahaja.

“Sama ada ketumbuhan dapat dibuang sepenuhnya atau tidak akan bergantung kepada saiz dan lokasinya.

“Ketumbuhan yang terletak berdekatan dengan atau melekat kepada organ atau struktur penting



“**Dari segi peluang untuk sembuh, 90 peratus pesakit kanser neuroblastoma dalam kategori risiko rendah dapat sembuh dengan adanya pemantauan daripada pakar perubatan**”

**Dr Teh Kok Hoi**

Beliau berkata, dari segi peluang untuk sembuh, 90 peratus pesakit kanser neuroblastoma dalam kategori risiko rendah dapat sembuh dengan adanya pemantauan daripada pakar perubatan.

“Bagi pesakit kategori risiko sederhana peluang sembuh adalah 80 peratus manakala untuk pesakit kategori risiko tinggi, peluangnya hanya 25 peratus tanpa imunoterapi.

“Oleh itu, pentingnya kesedaran daripada seluruh keluarga terutama ibu bapa untuk mengesan sebarang simptom yang dialami oleh anak-anak mereka.

“Kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai penyakit ini dilihat sangat rendah,” katanya.

Tiada cara bagi mengelak penyakit ini, namun rawatan perlu dimulakan dengan kadar segera dengan tidak melengahkan masa,” katanya.

**info**

**Barah paling utama ditemui dalam kalangan bayi.**

**S simptom neuroblastoma**

- Benjolan atau pembengkakan pada perut anak yang tidak rasa sakit
- Wajah, kaki, leher atau dada bahagian atas bengkak

- Penurunan berat badan tanpa penyebab jelas
- Kelopak mata terkulai dan anak mata mengecil pada satu mata
- Tidak mampu menggerakkan anggota tertentu
- Mata tampak menonjol

**Kaedah rawatan**

- Rawatan berbeza-beza mengikut umur, tahap penyakit dan kehadiran atau ketidakhadiran beberapa faktor risiko terutama pada gen MYCN
- Rawatan untuk kanak-kanak bergantung kepada stratifikasi penyakit

**Kaedah rawatan yang mungkin diperlukan termasuklah**

- Pembedahan
- Kemoterapi
- Radioterapi
- High dose chemotherapy and autologous stem cell rescue
- Isotretinoin differentiation therapy dan imunoterapi

